

PNB sumbang lebih RM23j



Zeti Akhtar Aziz

Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyalurkan lebih RM23 juta menerusi pelbagai sumbangan dan bantuan sokongan bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat COVID-19.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, PNB menyalurkan sumbangan kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) atau GDRN.

Beliau berkata, bantuan kewangan juga disalurkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pusat berkenaan serta kepada institusi zakat bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan.

"Bagi meringankan beban perniagaan yang terjejas pula, PNB akan memberikan pengecualian pembayaran sewa kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menjadi penyewa di hartanah milik PNB," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Antara sumbangan PNB termasuk empat mesin ventilator penjagaan intensif yang bernilai RM637,560; sejumlah RM3.1 juta kepada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk menaik taraf perkhidmatan ujian diagnostik; RM70,180 kepada CPRC un-

tuk membiayai kos peralatan utama yang diperlukan untuk membendung penyebaran COVID-19; dan RM1.97 juta kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan, untuk disalurkan kepada 21 hospital yang dikenal pasti oleh KKM di seluruh negara bagi tujuan bantuan lanjutan kepada barisan hadapan.

Selain itu, sumbangan kepada KKM membabitkan sejumlah RM3.5 juta kepada jabatan yang sama untuk disalurkan kepada 41 hospital di seluruh negara, bagi memberi bantuan kewangan segera kepada pesakit yang kurang bernasib baik; RM2.3 juta kepada GDRN yang akan disalurkan bagi membantu membeli bekalan perubatan, peralatan perlindungan diri dan keperluan lain; dan sumbangan sebanyak RM11.2 juta yang disalurkan pada awal tahun untuk pembelian kelengkapan perubatan dan kerja-kerja menaik taraf 23 hospital di seluruh negara.

Sumbangan PNB membabitkan organisasi lain adalah RM800,000 untuk Pusat Pungutan Zakat-MAIWP; mengedar makanan kepada barisan hadapan oleh syarikat hospitaliti PNB, Attana Hotels & Resorts Sdn Bhd; pengecualian pembayaran sewa selama tiga bulan kepada 500 PKS yang juga penyewa di hartanah milik PNB, serta pengecualian

pembayaran sewa kepada semua penyewa sepanjang tempoh Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, Juan Aranols, berkata pihaknya menyumbang sebanyak RM15 juta melalui Nestle Cares sebagai usaha menangani COVID-19 dan membantu lebih 200,000 rakyat negara ini khususnya kumpulan berpendapatan rendah serta peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Beliau berkata, bantuan melalui Nestle Cares itu terbahagi kepada dua fasa iaitu bantuan segera dalam menangani kesan wabak COVID-19 membabitkan dana sebanyak RM15 juta dan bantuan untuk menyokong kelangsungan hidup dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

"Kami sedar bahawa mengembalikan keadaan seperti sedia kala selepas tempoh PKP berakhir bukanlah mudah kerana ramai rakyat Malaysia akan berdepan kehilangan pekerjaan dan banyak perniagaan kecil akan menghadapi cabaran.

"Justeru, inilah masanya kami memberikan bantuan kepada mereka dengan ikrar untuk membantu lebih 200,00 rakyat Malaysia dengan menyalurkan RM15 juta. Usaha kami adalah membantu mereka paling terkesan

akibat krisis COVID-19 untuk kembali menjalani kehidupan seperti biasa," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, melalui fasa pertama inisiatif Nestle Cares, pihaknya menyahut seruan #responsMALAYSIA dan berganding bahu dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) bagi menghulurkan sumbangan tunai berjumlah RM1 juta melalui inisiatif #responsMALAYSIA.

Katanya, sumbangan ini digunakan untuk menaik taraf peralatan perubatan kecemasan kritikal di dalam ambulans PBSM, yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan pesakit ke hospital ditetapkan bagi merawat pesakit COVID-19 di Lembah Klang. "Sumbangan sebanyak RM600,000 juga diberikan bagi tujuan pengedaran 10,000 bungkus makanan Nestle Family kepada masyarakat yang terkesan menerusi rangkaian PBSM dan rakan badan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara," katanya.